

15/10/2003

Unit khas bantu PKS dapatkan pembiayaan

Veena Rusli; Rohaniza Idris

PENGUSAHA Kecil dan Sederhana (PKS) yang menghadapi masalah kewangan kini boleh mendapatkan bantuan Unit Khas Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang ditubuhkan di Bank Negara Malaysia (BNM).

Menteri Kewangan, Datuk Jamaluddin Jarjis, berkata unit itu akan membantu industri berkenaan mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan seperti yang dijalankan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC).

Katanya, unit berkenaan menggunakan mekanisme seperti CDRC bagi menyelesaikan hutang tidak berbayar sektor PKS.

"Unit ini ditubuhkan kerana kerajaan prihatin dengan masalah yang dihadapi peniaga kecil dan sederhana yang mengalami kesukaran membayar hutang dengan institusi kewangan," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen, semalam.

Dalam perkembangan lain, Jamaluddin berkata, rakyat perlu berbangga dengan langkah bijak yang di ambil kerajaan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi hingga mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Beliau berkata, minggu lalu, agensi piawaian antarabangsa Standard & Poor menaikkan gred penarafan Malaysia sebagai negara yang pulih daripada masalah kemelesetan ekonomi, iaitu daripada gred BBB+ kepada A-.

Katanya, pengiktirafan itu adalah berita baik untuk rakyat terutama ketika negara menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Terdahulu, ketika menjawab soalan Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar), Jamaluddin berkata, pemulihan ekonomi negara adalah hasil pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, PKS berjaya memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi, justeru, kerajaan mahu terus membangunkan industri dengan meminta institusi kewangan memainkan peranan mereka.

"Pinjaman di bawah RM500,000 oleh institusi perbankan kepada PKS sudah meningkat kepada RM2.5 bilion pada 2002 dan bagi lapan bulan pertama tahun ini, sebanyak RM16.8 bilion pinjaman sudah diluluskan kepada 51,759 PKS dengan jumlah pinjaman bernilai RM54.7 bilion.

"Kadar penolakan pinjaman oleh institusi kewangan ke atas PKS pula adalah kecil iaitu hanya lapan peratus daripada jumlah permohonan," katanya.